

16 MAR 1998

Vietnam - Hubungan

VIETNAM BERAZAM MENINGKATKAN KERJASAMA DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Vietnam malam ini mengulangi azamnya untuk memupuk hubungan persahabatan dan kejiwaan yang lebih erat dengan Malaysia serta meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang selaras dengan dasar saling hormat-menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan tidak campur tangan dalam urusan dalaman negara satu sama lain.

Presiden Vietnam, Tran Duc Luong berkata sejak beberapa tahun ini, Vietnam dan Malaysia telah melalui perkembangan yang baik dalam hubungan persahabatan dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Dalam ucapan balas kepada titah ucapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada majlis santapan negara sempena lawatannya ke Malaysia di Istana Negara, pemimpin Vietnam itu berkata kedua-dua negara telah memeterai banyak perjanjian dalam bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, kerjasama saintifik dan teknikal.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali juga hadir.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad selaku Menteri Pengiring, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Luong berkata oleh kerana kerjasama ekonomi kini menjadi sangat penting dalam hubungan kerjasama sesama negara anggota Asean terutama berikutan krisis kewangan dan mata wang yang melanda rantau ini, Vietnam dan Malaysia kini perlu meningkatkan bidang-bidang kerjasama terutama kerjasama politik.

"Kedua-dua negara kita masih mempunyai potensi besar yang perlu diterokai seterusnya supaya kelebihan negara masing-masing dapat digunakan sepenuhnya dalam rangka kerja pasaran Asean serta antarabangsa," tambahnya.

Luong berkata rakyat Vietnam amat menyanjung tinggi segala kerjasama dan bantuan antarabangsa yang dihulurkan untuk pembinaan dan pembangunan negaranya terutama dalam proses integrasi serantau dan antarabangsa.

"Dalam proses pembaharuan, terutama sejak Vietnam menjadi anggota penuh Asean, kami menikmati sokongan dan kerjasama sepenuhnya daripada negara-negara anggota yang lain, khususnya kerjasama dan bantuan dari Malaysia sangat disanjung tinggi," katanya. -- Bernama

AKT oba